




KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	20/2/2017	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



ANGGOTA APM memindahkan reptilia berbisa itu ke dalam sangkar.

APM serah 22 ular kepada PERHILITAN

Jeli: Sebanyak 22 ular pelbagai jenis yang berada dalam simpanan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jeli diserahkan kepada Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Khamis lalu.

Penyerahan itu membatik 10 ular sawa, tujuh ular senduk, dua ular tiang dan tiga tedung selar.

Pegawai APM daerah Jeli Ahmad Suhaizi Ahmad Suhaimi berkata, penyerahan reptilia berbisa itu bagi mengelak ia terlalu lama dalam

simpanan APM.

“Ular berkenaan kami peroleh hasil operasi yang dijalankan sekitar daerah ini pada Disember hingga pertengahan Februari.

“Kami menyerahkan ular itu kepada PERHILITAN untuk tindakan lanjut,” katanya di sini, semalam.

Menurutnya, sepatutnya ular berkenaan diserahkan kepada PERHILITAN lebih awal, namun berlaku kelewatan dalam penyerahan reptilia itu disebabkan banjir.